

28/09/1998

Wanita Umno mahu bentang draf pindaan

PERGERAKAN Wanita Umno dijangka membentangkan draf pindaan untuk membolehkan semua ketua wanita Umno bahagian menjadi perwakilan ke Perhimpunan Agung parti itu secara automatik ke Majlis Tertinggi, November ini.

Menurut Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, setakat ini Jawatankuasa Biro Politik Umno sudah bersetuju dengan cadangan pindaan pergerakan itu.

Bagaimanapun sebelum itu, Wanita Umno akan mengadakan perhimpunan khas untuk mendapatkan persetujuan ahli mengenai cadangan pindaan berkenaan sebelum dibentangkan.

"Saya yakin MT akan bersetuju dengan draf pindaan itu," katanya.

Mengikut draf pindaan berkenaan jumlah perwakilan yang dilantik ketika Persidangan Wanita Umno pula akan dikurangkan daripada 30 kepada 10 selepas perbincangan dengan Jawatankuasa Biro Politik berkenaan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan wakil wanita ke perhimpunan itu 175.

Dr Siti Zaharah berkata peningkatan jumlah itu satu penghargaan kepada perjuangan wanita Umno sebelum ini.

"Kita mempunyai 165 bahagian, tetapi sebelum ini hanya 30 saja yang mewakili wanita ke perhimpunan itu. Menerusi draf pindaan cadangan yang dibentangkan baru-baru ini, kita memohon supaya semua ketua wanita bahagian dipilih secara automatik.

"Pertambahan bilangan wakil wanita ke perhimpunan agung membuktikan perjuangan kita selama ini tidak sia-sia," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis Sambutan Hari Wanita 1998 anjuran Pergerakan Wanita Umno, di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Jumaat lalu.

Majlis itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebelum ini jumlah wakil Wanita ke perhimpunan agung adalah lima dan kemudiannya dinaikkan kepada 30.

Bagaimanapun, ketika Perhimpunan Wanita Umno baru-baru, mereka meminta supaya ketua wanita bahagian secara automatik dilantik untuk menjadi wakil di perhimpunan agung.

(END)